



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

■ SERI Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diiringi oleh Presiden Suharto memeriksa barisan kehormatan pegawai dan anggota angkatan bersenjata Republik Indonesia sebaik tiba di lapangan terbang antarabangsa Halim Perdanakusuma, Jakarta semalam — Gambar Berita Harian.

Seri2 Paduka diberi sambutan penuh istiadat

JAKARTA, Jumaat — Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong hari ini diberi sambutan penuh istiadat setiba di sini untuk lawatan negara selama enam hari ke Indonesia.

Seri Paduka ialah Ketua Negara Malaysia yang pertama melawat negara ini.

Seri Paduka berdua disambut oleh Presiden Suharto, Naib Presiden, Tun Adam Malik dan isteri masing-masing.

Yang di-Pertuan Agong dikalungkan sekarang bunga oleh seorang pelajar sekolah menengah, Hendar Kuncoroda manakala Raja Permaisuri Agong dipersembahkan sejangkapan bunga oleh seorang lagi pelajar, Mamiék Sri Utami.

Pesawat khas Boeing 737 yang membawa pelawat Diraja itu mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Halim Perdanakusuma di sini pada pukul 4.30 petang waktu Indonesia (5 petang waktu Semenanjung Malaysia).

Duta Besar Malaysia ke sini, Tan Sri Mahmood Yunus dan Ketua Protokol, Joop Ave menaiki kapal terbang menjemput Seri Paduka berdua

Presiden Suharto dan Ibu Tien kemudian mengiringi Seri Paduka berdua naik ke pentas khas.

Tembakan meriam 21 das dilepaskan dan serentak dengan itu lagu 'Negaraku' dimainkan diikuti dengan lagu Kebangsaan Indonesia 'Indonesia Raya'.

Seri Paduka diiringi oleh Presiden Suharto berkenan memeriksa barisan kehormatan terdiri dari 400 orang pegawai dan anggota dari Pasukan Tentera Darat, Laut dan Udara Angkatan Bersenjata Indonesia dan pasukan polis di bawah perintah Lt. Kol. Arsad Gaffur.

Mengadap

Menteri-menteri Kabinet Indonesia, orang-orang kenamaan, anggota-anggota diplomatik dan pegawai Kedutaan Malaysia serta masyarakat Malaysia di Indonesia diperkenalkan kepada Seri Paduka berdua.

Rombongan Diraja kemudian dibawa dengan kereta ke Istana Merdeka menerusi jalan besar Bandaraya Jakarta. Kanak-kanak sekolah yang berbaris di sepanjang jalan mengibarkan bendera Malaysia dan Indonesia mengalu-alukan ketibaan Seri Paduka berdua.

Bagi mereka, inilah

kali pertama melihat wajah Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Seri Paduka berdua kemudian mengunjungi Presiden Suharto dan Ibu Tien di Istana Merdeka.

Tun Adam Malik dan isteri kemudian diterima mengadap oleh Seri Paduka berdua di Wisma Negara di mana Baginda berdua akan menginap semasa lawatan negara itu.

Di sebelah malam, satu majlis bankuasi dan persembahan kebudayaan akan diadakan sebagai meraikan Seri Paduka berdua.

Akhbar harian berbahasa Inggeris 'Indonesia Daily', dalam lidah pengarangnya berkata, lawatan Yang di-Pertuan Agong ialah satu peristiwa bersejarah yang akan menolong memperkukuhkan hubungan baik yang sedia ada di antara kedua buah negara.

Rakyat Indonesia hari ini mengalu-alukan ketibaan pelawat Diraja kerana rakyat kedua buah negara adalah dari kumpulan yang sama, kata akhbar itu.

Akhbar 'Fikiran Rakyat' pula berkata, lawatan Seri Paduka berdua tepat pada masanya kerana Indonesia masih merayakan ulang tahun kemerdekaan ke-36.